TEMA 2: TUMBUHAN HERBA

UNIT 6 PRODUK HERBA

Mendengar dan Bertutur

Bina soalan berdasarkan maklumat di bawah.

Jus Mengkudu

Buah mengkudu boleh dijadikan jus untuk minuman. Selain itu, buah mengkudu mengandungi enzim yang tinggi dalam membina sel badan. Pucuk mengkudu boleh juga dibuat ulam. Di samping itu, pucuk mengkudu juga membantu melambatkan proses penuaan.

LIVEWORKSHEETS

LATIHAN 1

1. **Apakah khasiat yang terdapat pada buah mengkudu?**

   a) _____

   b) _____

   c) _____

   d) _____

   e) _____

2. **Buah mengkudu boleh dijadikan jus untuk _____.**

3. **Pucuk mengkudu boleh dibuat _____.**

LIVEWORKSHEETS

Membaca

Baca kemudian fahami petikan di bawah. Terangkan isi yang bergaris.

Pokok Rerama



Pokok rerama atau nama saintifiknya, *Mariposa christia vespertilionis* ialah sejenis tumbuhan herba. Tumbuhan ini turut dikenali sebagai daun kelawar, *Butterfly wing* atau Bian Fu Cao (di China). Pokok rerama berasal dari rantau Asia dan telah lama digunakan dalam perubatan tradisional di Thailand.

Pokok rerama boleh ditanam di dalam pasu atau di atas tanah. Pokok rerama boleh mencapai ketinggian 0.5 meter dalam masa empat bulan. Pokok rerama boleh diproses menjadi teh selepas berusia tiga hingga empat bulan.

Pokok rerama ini mempunyai pelbagai jenis dan warna. Bagi tujuan perubatan, pokok yang berwarna hijau digunakan. Semua bahagian pokok rerama hijau, iaitu daun, batang dan akar dikeringkan serta dikisar halus sebelum direndam di dalam air panas untuk dijadikan teh.

Khasiat herba ini dipercayai mampu merawat barah dan beberapa penyakit lain seperti angin ahmar (strok), darah tinggi, kencing manis, asma, migrain, resdung, denggi, demam campak dan masalah usus.

(Diubah suai daripada *Harian Metro*, 4 Februari 2015)

LATIHAN 2

1. **Apakah nama lain pokok rerama? _____**

2. **Pokok rerama boleh ditanam di dalam _____ atau di atas _____**

LIVEWORKSHEETS

LATIHAN 3

A Isi tempat kosong dengan frasa yang sesuai.

berwarna hijau	jus mengkudu	pokok kunyit	dalam pasu
sabun kunyit	taman herba	penambah perisa	batas tanaman
merawat dan mencegah	ibu kunyit	dijaga rapi	dibuat ulam

2

1. Ibu Hana menanam _____ di dalam pasu.
2. Tumbuhan herba perlu disiram dan _____.
3. Pokok daun rerama boleh ditanam di _____.
4. Kakak mencuci muka dengan menggunakan _____.
5. Buah mengkudu yang sudah matang boleh dibuat _____.
6. Teh rerama dihasilkan daripada daun rerama yang _____.
7. Pucuk mengkudu boleh dimakan mentah atau direbus dan _____.
8. Cikgu Dali menyediakan _____ untuk menanam tumbuhan herba.
9. Morgan dan Chin Fei membantu Cikgu Najah membersihkan rumput yang tumbuh di _____.
10. Selain untuk _____ dalam masakan, kunyit juga boleh dijadikan krim kecantikan.
11. Tumbuhan herba berkhasiat dan dapat membantu _____ pelbagai jenis penyakit.
12. Ada juga masyarakat di Malaysia menggunakan _____ untuk mengubat penyakit angin ahmar dan sakit kepala.

LIVEWORKSHEETS

LATIHAN 4

A Baca pantun teka-teki di bawah, kemudian cari jawapan. Padankan jawapan

Ikan pelata enak dibakar,
Dipotong panjang dicampur gula;
Hidup merata melalui akar,
Berdaun panjang wangi pula.

A

Kalau tuan pergi ke kedai,
Jangan lupa membeli lepat;
Kalau tuan orang yang pandai,
Daun apa dibuat sarung ketupat?

B

Hendak menjahit tapak sepatu,
Jangan terleka nanti terlupa;
Rasanya pahit kulit menggerutu,
Cubalah teka buah apa?

C

Sayang Syarini berkebaya nyonya,
Gadis Sabah dari Tuaran;
Daun ini banyak gunanya,
Boleh digubah untuk hantaran.

D

Leka berhimpun melihat jam,
Sambil berbual dengan pak tani;
Hidup serumpun berdaun tajam,
Sering dijual di pasar tani.

E

2

LIVEWORKSHEETS

TERIMA KASIH

PELAJAR-PELAJAR

YANG

MENJAWAB SOALAN

LIVEWORKSHEETS